

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 9 OKTOBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan fungsi sebenar KAGAT dalam organisasi ATM, sejauh manakah peranannya dalam menyumbang terhadap pembangunan modal insan terutamanya dalam aspek spiritual "combat power" atau dalam kata lain menyemai semangat jihad di kalangan warga ATM.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Fungsi Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) berpandukan visi iaitu menjadi penjana kecemerlangan pembangunan kerohanian modal insan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang unggul. Berdasarkan visi ini, misi KAGAT ialah untuk meningkatkan tahap profesionalisme ATM melalui Pendidikan Islam dan Perkhidmatan Keagamaan.

Manakala dalam menyumbang terhadap pembangunan modal insan berkaitan aspek *Spiritual Combat Power* atau menyemai semangat juang/jihad di kalangan warga ATM, ianya adalah melalui Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dalam ATM yang telah diputuskan di dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera bilangan 9 tahun 1991.

NO SOALAN : 4

Pelbagai program telah dilaksanakan bagi mencapai objektif dasar tersebut, seperti:

- a) Program Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI) 561, yang bermatlamatkan untuk melatih dan melahirkan anggota ATM yang mampan menerusi pendidikan dan latihan empat unsur fitrah kejadian manusia iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek secara seimbang bagi merealisasikan aspirasi ATM dalam membina kekuatan rohani anggota.
- b) Program Operasi Perisai Akidah, bagi membendung ancaman ajaran sesat, fahaman agama yang radikal dan menyeleweng di kalangan anggota;
- c) Kursus Pendidikan Islam dan Fardu Ain (PIFA) yang menekankan kepada aspek pengetahuan agama Islam dan amalan kepada anggota;
- d) Kursus Cepat Baca Al-Quran (CBQ) yang bertujuan membasmi masalah “buta” Al-Quran di kalangan anggota; dan
- e) Program Semarak Rohani berkonsepkan *Rahmatan Lil ‘Alamin*, merupakan program bersepadu yang dilaksanakan oleh KAGAT yang melibatkan aktiviti-aktiviti seperti solat berjemaah, kursus jenazah, kelas al-Quran, program bacaan al-Mathurat, program qiamullail, Forum Perdana dan lain-lain lagi, yang mensasarkan bukan sahaja kepada anggota tentera dan keluarga tetapi turut melibatkan masyarakat setempat. Bagi meningkatkan aspek spiritual *combat power* di kalangan anggota ATM terutamanya yang berada di kawasan operasi, pihak KAGAT telah melaksanakan beberapa program yang dikenali sebagai Program Dakwah Kawasan Operasi (PRODAKSI) yang melibatkan kawasan operasi ATM di kawasan Pantai Timur Sabah dan Semenanjung Malaysia.